

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

KKM mula ujian klinikal ubat COVID-19

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah penyelarasan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) akan mula melaksanakan kajian klinikal untuk menguji keberkesanan dan keselamatan ubat Remdesivir bagi merawat jangkitan COVID-19 dalam kalangan pesakit terpilih di sembilan hospital. Ia akan membabitkan empat regimen rawatan menggunakan kombinasi Remdesivir, Lopinavir/Ritonavir, Interferon beta, Chloroquine dan Hydroxychloroquine.

Muka 2

Terkini
COVID-19

95

pulih, dibenar keluar hospital, semalam

84

kes baharu disahkan, semalam

89

jumlah kematian dicatat

5,389

jumlah kes disahkan positif

2,103

kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : -

9 hospital buat kajian klinikal

Uji pelbagai ubat rawat wabak susulan negara terbabit kaji selidik WHO

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan memulakan kajian klinikal bagi menguji pelbagai ubat untuk merawat pesakit COVID-19, dalam masa terdekat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia susulan pembabitan Malaysia dalam Kaji Selidik Solidariti yang dilancarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk menguji beberapa ubat dalam merawat COVID-19.

Katanya, kaji selidik yang diselaraskan WHO di seluruh dunia ini adalah usaha pengumpulan data dan perbandingan keselamatan serta keberkesanan empat regimen rawatan menggunakan

kombinasi ubat antiviral Remdesivir dengan Lopinavir/Ritonavir, Interferon beta, Chloroquine dan Hydroxychloroquine.

"Sembilan hospital KKM yang mengambil bahagian dalam kaji selidik ini sudah bersedia mulakan pengambilan peserta kajian dalam kalangan pesakit COVID-19 yang penuhi kriteria ditetapkan.

"Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan (MREC) berkerjasama dengan Badan Regulatori Farmasi Negara (NPRA) KKM yang bertindak sebagai badan regulatori dan bertanggungjawab meluluskan penggunaan ubat itu dalam kajian klinikal ini," katanya pada sidang media harian di sini, semalam.

Remdesivir sebelum ini digunakan merawat jangkitan Ebola.

Remdesivir antara ubat pertama yang disebut sebagai rawatan untuk COVID-19 dan ujian klinikal secara rawak kini berada pada peringkat lanjutan.

Khamis lalu, laman web berita kesihatan STAT melaporkan, ubat itu menunjukkan keberkesaan

yang baik di sebuah hospital di Chicago, Amerika Syarikat dengan sebahagian pesakit terbabit dalam perubahan rawatan.

Dr Noor Hisham berkata, penilaian Remdesivir dibuat berdasarkan tiga aspek utama merangkumi keselamatan, kualiti dan keberkesanan awal ubat mengikut data-data yang dikemukakan.

Menurutnya, menyedari kepentingan kajian klinikal ini dalam usaha menerangi pandemik COVID-19, MREC dan NPRA berjaya meluluskan protokol penyelidikan dan lesen import kajian klinikal bagi ubat Remdesivir dalam tempoh singkat iaitu empat hari bekerja sahaja.

Namun, pada masa sama katanya, ia dapat mengekalkan kualiti penilaian berdasarkan proses dan keperluan regulatori antarabangsa.

"Kelulusan segera ini dicapai melalui komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh ahli jawatankuasa MREC, lapan penilai NPRA dan pengurusan atasan bagi memastikan penilaian ubat ini adalah



Sembilan hospital KKM yang mengambil bahagian kaji selidik ini sudah bersedia mulakan pengambilan peserta kajian dalam kalangan pesakit yang penuhi kriteria.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

berkualiti serta dalam jangka masa yang ditetapkan.

"Selain itu, kerjasama yang diterima daripada permojon (Pusat Penyelidikan Klinikal, Hospital Ampang) dan pihak WHO dalam memberi dokument diperlukan oleh MREC dan NPRA dalam masa singkat, banyak membantu mempercepatkan proses kelulusan itu," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, penyertaan Malaysia dalam kaji selidik sedunia ini dijangka dapat membantu dalam pencarian ubat menyelamatkan nyawa pesakit COVID-19 melalui penilaian keselamatan dan keberkesannya.

Sembilan hospital terbabit kaji selidik:

- Hospital Tuanku Fauziah
- Hospital Sultanah Bahiyah
- Hospital Pulau Pinang
- Hospital Sungai Buloh
- Hospital Kuala Lumpur
- Hospital Melaka
- Hospital Tengku Ampuan Afzan
- Hospital Umum Sarawak
- Hospital Queen Elizabeth

Orang ramai tak digalak lakukan ujian sendiri

Kuala Lumpur: Orang ramai tidak digalakkan menjalankan sendiri ujian bagi mengesan virus COVID-19 menggunakan kit ujian sedia ada.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kit ujian pantas atau *rapid test kit* perlu kepakaran dan latihan untuk digunakan.


"Jika kita guna *rapid test kit* iaitu penggunaan antigen, kita menggunakan teknik ujian swab (pengambilan sampel air liur dari mulut) dan mungkin teknik ini sukar untuk kita buat sendiri."

"Kalau kita mengambil sendiri sampel dengan tidak tepat, keputusannya juga tidak tepat," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini semalam.

Mengulas mengenai penggunaan kit ujian antibodi pula, Dr Noor Hisham berkata, penggunaannya memang mudah kerana hanya memerlukan titisan darah.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, kit ujian itu bukan untuk mengesan kehadiran COVID-19 sebaliknya untuk mengesan antibodi terhadap virus berkenaan.

Mengenai kaedah saringan dilakukan Kementerian Kesihatan (KKM) ketika ini bagi mengesan kes baru COVID-19, Dr Noor Hisham menjelaskan, ia sudah



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

95 individu positif virus pulih, dibenar pulang

Trend jumlah pesakit sembah melebihi bilangan kes baharu

Putrajaya: Seramai 95 individu positif COVID-19 pulih dan dibenarkan pulang semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jumlah pulih semalam itu menjadikan kumulatif kes pulih sebanyak 3,197 atau 59.32 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Kebelakangan ini dapat dilihat trend bilangan kes yang sudah sembah melebihi bilangan kes baharu yang dilaporkan.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), terdapat 84 kes baharu yang dilaporkan dan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 5,389 kes.

"Sehingga kini, seramai 46 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 26 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Ada pertambahan satu lagi kes kematian berkaitan COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah 89 kes iaitu 1.65 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Kes kematian ke-89 (kes ke-4769) adalah lelaki warganegara Malaysia berumur 51 tahun.



Sebahagian penduduk menunggu giliran pemeriksaan saringan COVID-19 di Masjid Jamek Kampung Baru, Kuala Lumpur. (Foto Hairul Anuar Rahim/BHTV)

Beliau mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung dan penyakit buah pinggang.

"Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19, iaitu kes ke-2726. Beliau telah dirawat di Hospital Enche' Besar Hajah Kalsom, Johor pada 13 April dan disahkan meninggal dunia pada 18 April pukul 6.47 petang," katanya.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai jumlah terkini rakyat Malaysia yang baru pulang dari luar negara dan menjalani proses kuarantin, Dr Noor Hisham berkata seramai 15,800 individu su-

Jumlah pulih semalam itu menjadikan kumulatif kes pulih sebanyak 3,197 atau 59.32 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

**Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan**

dah menjalani proses berkenaan.

"Kita ada 190 stesen pusat kuarantin di negara ini dan di pintu masuk antarabangsa sahaja terdapat 89 stesen kuarantin.

"Kini seramai 15,800 individu sudah dikuarantin dan daripada jumlah berkenaan 1,041 adalah dalam kalangan jemaah tabligh.

"Setakat ini, kita ada 11,725 orang yang dipantau (PUS) dan sampel yang diambil adalah 8,410 dan yang positif setakat ini adalah 65 individu iaitu 43 individu dari Jawa Timur, tiga dari Aceh dan satu kes masing-masing dari Terengganu dan Kalimantan," katanya.

Lapan pakar China kongsi pengalaman, penyelidikan pandemik

Kuala Lumpur: Kehadiran lapan pakar perunding perubatan dari China bukan untuk merawat pesakit COVID-19 di negara ini sebaliknya berkongsi pengalaman dan penyelidikan mengenai virus baharu itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pengalaman mereka selama dua bulan mengelumi pandemik COVID-19 di wilayah Hubei, China diharap membantu Malaysia dalam usaha mengekang penularan di negara ini.

"Kedatangan mereka untuk berbincang mengenai rawatan dan penyelidikan, bukan sahaja perkara positif, tetapi mungkin ada perkara yang dilakukan mereka tidak berjaya buat kita belajar dan tidak mengulangi kesilapan sama.

"Dalam perbincangan ini banyak isu kita bangkitkan mengenai kaedah rawatan pesakit di wad dan ICU (unit rawatan rapi) dan juga penyelidikan pengesan dan teknik tertentu sama ada menggunakan antigen dan sebagainya," katanya dalam sidang media harian semalam.

Menurutnya, lapan pakar itu bukan datang membantu pasukan barisan hadapan merawat pesakit COVID-19, tetapi berkongsi maklumat mengenai virus baharu itu.

"Virus ini baharu dan masing-masing tiada pengalaman mengenainya, tidak kira sama ada perkara negatif atau positif, kedua-duanya penting untuk kita.

"Kalau berjaya kita akan teruskan usaha guna kaedah itu dan jika tidak berjaya kita belajar daripada pengalaman supaya jangan ulangi kaedah berkenaan," katanya.

Menurutnya, penting bagi pihaknya mengetahui dan menambah pengetahuan mengenai virus baharu itu, terutama cara ia merebak.

Lapan pakar itu adalah dari Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan China, cawangan Guangdong.

Sementara itu, Duta Besar China ke Malaysia, Bai Tian, berkata lapan pakar terbabit adalah daripada pelbagai bidang kepakaran dan dipilih oleh Suruhanjaya Kesihatan di Wilayah Guangdong.

Satu lagi kluster baharu dikesan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan mendedahkan satu lagi kluster baharu positif COVID-19 yang dikesan di pintu masuk antarabangsa Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kluster pelajar dari Magetan, Indonesia itu dikesan dalam kalangan rakyat Malaysia pada 16 April lalu yang baru pulang dari daerah terbabit melalui lapangan terbang berkenaan.

Kluster berkenaan terdiri daripada 43 pelajar yang pulang dari Temboro, iaitu antara tempat yang diisyitarkan zon merah di daerah Magetan, Indonesia.

Mereka kini menjalani proses kuarantin, iaitu 34 individu di kuarantin di Melaka, manakala sembilan lagi di Putrajaya.

"Ini menunjukkan tindakan kerajaan untuk mengambil langkah kuarantin dan menyaring semua rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara adalah bertepatan dan ia bagi memastikan kes import tidak menjangkiti penduduk Malaysia," katanya dalam sidang media harian COVID-19, di sini semalam.

Mengenai kluster Masjid Seri Petaling, seramai 26,522 individu disaring dan kes positif adalah 1,950 manakala 23,105 negatif. Kes positif induk adalah 767 selebih-

nya kes dari generasi pertama hingga lima.

Di Johor Bahru, EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar, R Viyananthan, berkata sebanyak 11,726 saringan sudah dibuat di lima daerah yang dikategorikan sebagai zon merah di negeri itu sehingga kelmarin.

Ia membatikan Johor Bahru, Kluang, Batu Pahat, Muar dan Kulai.

Katanya, daripada jumlah berkenaan 558 kes positif dan 326 daripadanya sudah sembah jangkitan wabak COVID-19.

"Statistik saringan yang dibuat adalah Johor Bahru (2,356 saringan), Kluang (4,300), Batu Pahat

(2,057), Muar (2,101) dan Kulai (912).

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menjalankan nyah cemar dan sanitasi di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Bandar Baru Ibrahim Majid pada 30 Mac dan 8 April lalu dengan prosesnya dilakukan di kedian-pesakit positif COVID-19, Person under Investigation (PUI) dan Person Under Surveillance (PUS), bagi mengelakkan jangkitan baharu.

"Selain kawasan zon merah, nyah cemar dan sanitasi awam turut dilakukan kawasan lain di seluruh negeri," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : LOKAL



Oleh Amir Abd Hamid
dan Suraya Roslan
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Semalam hari ke-33 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilancarkan kerajaan dalam usaha mengekang pandemik Covid-19.

Usaha tanpa mengira siang dan malam itu akhirnya berhasil pada dalam PKP fasa ketiga bermula 15 April lalu apabila jumlah kes baharu mulai menurun kepada dua digit.

Namun, trend menurun itu diharap berpanjangan bagi membolehkan PKP ditamatkan dan kita kembali kepada kehidupan normal - normal baharu untuk lebih tepat.

Walaupun tiada jaminan pandemik ini akan berakhir segera, tetapi keseharian masyarakat semakin baik terutama dalam menjaga keselamatan kesihatan.

Pada Mac lalu firma antarabangsa JP Morgan & Co meramalkan pertengahan bulan ini Malaysia akan memiliki kes puncak iaitu 6,300 kes manakala Institut Kajian Ekonomi Malaysia (MIER) pula menjangka kes positif wabak itu akan lebih tinggi iaitu 8,900 kes.

Sebaliknya, ternyata ramalan itu meleset apabila semalam hanya mencatatkan 5,389 kes. PKP fasa ketiga juga menyaksikan ter-

Jangkitan turun dua digit

PKP fasa ketiga menampakkan hasil apabila kes baharu Covid-19erosot

dapat beberapa hari mencatatkan kes harian di bawah 100 iaitu 15 April (35 kes), 17 April (69 kes), 18 April (54) dan 19 April (84 kes).

Jumlah keseluruhan kes positif bagi tempoh seminggu sejak 13 April (Jnsin) hingga 19 April (Ahad) adalah sebanyak 740 kes. Ia menunjukkan penurunan sebanyak 281 kes berbanding catatan sepanjang minggu lalu iaitu 1,021 kes direkodkan antara 6 April (Jnsin) hingga 12 April (Ahad).

Bagaimanapun kes positif jangkitan virus Covid-19 yang menurun ketika ini masih membulatkan keimbangan Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah. Idris kerana, katanya, warga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) khuatir angka penurunan kes positif dicatatkan sekarang menjadikan masyarakat alpa.

Hatrik tiga hari kes baharu jangkitan Covid-19 mencatatkan dua angka sehingga semalam iaitu 69 kes, 54 kes dan 84 kes.

Dr Noor Hisham berkata, penurunan jumlah kes beberapa hari ini dibimbangi disalah erti serta membuat masyarakat lalai atau mengambil mudah PKP kerana memikirkan halawa wabak ini hampir selesai.

"KKM khuatir penurunan kes menyebabkan selanjutnya masyarakat alpa sebab memikirkan wabak ini hampir selesai lalu meninggalkan arahan PKP. "Ingin sekali lagi ditegaskan, bahawa negara belum memenangi pertarungan untuk mengalahkan atau menghapuskan wabak virus Covid-19," katanya.

Rakyat Malaysia tidak mahu beberapa kes termasuk membabitkan golongan VIP mengingkari arahan PKP berlaku dalam minggu trend penurunan kes yang lalu menjadi batu penghalang untuk memutuskan rantai penularan jangkitan.

Sama-sama kita bersama-sama, sudah lebih sebulan dapat bertahan PKP sejak 18 Mac lalu dan janganlah disebabkan nila setitik, rosak susu sebelanga.

Teruslah mematuhi saranan KKM walaupun perkembangan dalam penurunan kes ini sememangnya positif namun masyarakat masih perlu berada di rumah, mengamalkan jarak sosial yang selarast sekurang-kurangnya satu meter daripada orang lain.

Selain itu teruslah mengamalkan kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun.

Semua orang rindukan kehidupan normal yang dinikmati sebelum terjadinya pandemik koronavirus baharu atau Covid-19 yang merebak ke seluruh dunia dari bandar raya Wuhan, China.

Satu kematian dilaporkan

Putrajaya: Satu kematian berkaitan jangkitan Covid-19 dilaporkan kepada Pusat Kesihapsaigan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPKC), setakat jam 12 tengah hari, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Daruk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes kematian akibat jangkitan wabak berkenaan sebanyak 89 kes.

Mengenai bilangan kes baharu positif Covid-19, beliau berkata, sebanyak 84 kes dilaporkan, semalam mencatatkan sebanyak 5,389 kes keseluruhan dalam negara.

Katanya, daripada jumlah itu, seramai 46 pesakit dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), dengan 26 daripadanya menggunakan bantuan alat pernafasan.

"Bilangan pesakit yang sembah terus meningkat kepada 95 orang. Ini menjadikan seramai 3,197 pesakit atau 59.32 peratus sembah dan discaj (diberi surau keluar) hospital.

"Kes aktif (positif Covid-19) kebolehjangkitan seramai 2,103 pesakit, mereka sudah diasingkan dan diberi rawatan," katanya kerika sidang media harian Covid-19 di sini, semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 1
 RUANGAN : MUKA HADAPAN

AKHBAR ARUS PERDANA PALING DIYAKINI

Sinar Harian
sinarharian.com.my

ISNIN | 20 APRIL 2020 | 26 SYABAN 1441H | BIL: 4954 | PP11200/02/2013 (031412) SH sinarharian.com.my SinarOnline SinarHarian SinarHarian sinarharian RM1.20

#JanganPutusAsa #Malaysia

KES COVID-19 DI MALAYSIA

5,389	84	89	3,197
JUMLAH KES	KES BARU	KES KEMATIAN	KES PUUH

JUMLAH KES SELURUH DUNIA
2,345,633

LAPAN NEGERI SIFAR KES BAHARU

Sebanyak 59.32 peratus iaitu 3,197 daripada keseluruhan pesakit Covid-19 di Malaysia telah sembuh dan discaj dari hospital

MAP OF COVID-19 CASES IN MALAYSIA

- PERLIS + 3 kes
- P PINANG + 19 kes
- PERAK + 9 kes
- SELANGOR + 3 kes
- KUALA LUMPUR + 19 kes
- PUTRAJAYA + 9 kes
- MELAKA + 37 kes
- KEDAH
- KELANTAN
- TERENGGANU
- WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
- SARAWAK + 5 kes
- SABAH + 3 kes

QUOTE

"Bilangan pesakit yang telah sembuh terus meningkat. Terbaru, seramai 95 orang telah sembuh. Ini menjadikan 3,197 pesakit atau 59.32 peratus telah sembuh dan discaj hospital." - Kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdulrahman pada sidang media harian di Putrajaya semalam

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

2

JanganPutusAsia
#Malaysia Sinar

MEMERANGI WABAK COVID-19

PKP tindakan terbaik

Kuarantin wajib juga langkah tepat kerajaan kekang peningkatan kes positif wabak Covid-19

Oleh MOHD HAFIZ ISMAIL

PUTRAJAYA

Tindakan kerajaan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin merupakan langkah tepat bagi membendung penularan pandemik koronavirus (Covid-19) di negara ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, berdasarkan sidang media yang dikendalikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah pada setiap petang dan talklimat yang diberikan dalam mesyuarat menteri-menteri jelas memperlihatkan berlaku trend penurunan kes positif Covid-19.

"Ini jelas menunjukkan bahawa PKP yang dilaksanakan oleh kerajaan merupakan satu langkah tepat. Kita percaya tindakan itu mampu memutuskan rantaian Covid-19," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, satu lagi tindakan tepat kerajaan adalah mengenakan kuarantin wajib kepada rakyat Malaysia yang kembali dari luar negara.

Kuarantin wajib juga langkah tepat kerajaan kekang peningkatan kes positif wabak Covid-19

"Kita lihat di sesetengah negara rakyatnya yang pulang dari luar negara tidak melakukan kuarantin wajib dan ia menyebabkan negara itu mengalami kes positif Covid-19 yang mendadak.

"Kita faham ramai yang kurang senang namun daripada laporan yang diterima oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapat terdapat 17 kes positif dalam kalangan rakyat yang pulang dari luar negara ini," katanya.

Beliau berkata, sekiranya langkah kuarantin wajib tidak dilakukan, mereka yang pulang dari luar negara tidak sedar sebenarnya mereka positif Covid-19 dan ia bakal menyebarkan virus itu kepada lebih ramai orang.

"Cuba bayangkan mereka pulang ke rumah untuk kuarantin sendiri sahaja, keluarga mereka pasti terdedah dengan Covid-19. Jika keluarga mereka keluar ke mana-mana tempat, tentu jangkitan itu akan merebak dengan lebih banyak.

"Pasti akan ada kluster baru. Namun, alhamdulillah dengan tindakan tepat kita dapat mengawal Covid-19 ini daripada terus merebak. Sebab itu, kita perlu yakin bahawa setiap tindakan kerajaan bertujuan untuk memastikan keselamatan rakyat," katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, Kementerian Dalam Negeri telah mewartakan 11 buah penjara sementara bagi tahanan ingkar PKP setelah mendapat nasihat Pejabat Peguam Negara.

Beliau berkata, penjara sementara itu akan beroperasi bermula 23 April ini dan KKM akan membantu menyediakan petugas kesihatan.

"Ia selaras dengan apa yang saya umumkan sebelum ini," katanya.

Menurutnya, PDRM telah menganalisa 1,111 individu kelmarin berbanding 1,565 individu pada hari sebelumnya kerana ingkar PKP.

"Daripada jumlah itu, seramai 997 individu direman dan 114 individu dijamin polis.

"Semalam (kelmarin), PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia telah mengadakan sebanyak 820 sekatan jalan raya di seluruh negara dan melakukannya pemeriksaan ke atas 451,487 kenderaan.

"Sebanyak 51,706 pemeriksaan mengejut telah diadakan di seluruh negara dengan sebanyak 5,861 premis telah diperiksa oleh pihak berkuasa," ujarnya.

Ismail Sabri berkata, jumlah tangkapannya kumulatif ingkar PKP sehingga 18 April adalah seramai 14,750 individu.

ISMAIL SABRI

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

4



MEMERANGI WABAK COVID-19

ISNIN 20 APRIL 2020 • SINAR HARIAN

Lapan negeri catat sifar kes baharu Covid-19

Sebanyak 47 Zon Hijau dicatatkan di seluruh negara, Kuala Lumpur masih Zon Merah

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

Sebanyak lapan buah negeri mencatatkan sifar kes positif baharu wabak koronavirus (Covid-19) semalam.

Negeri terbabit ialah Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Terengganu, Kelantan dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Jumlah sama turut direkodkan kelmarin, bagaimanapun berlaku perubahan negeri yang mencatatkan sifar kes positif pandemik itu.

Lapan negeri yang mencatatkan sifar kes kelmarin ialah Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Melaka, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kelantan.

Bagaimanapun, Melaka semalam merekodkan jumlah kes positif tertinggi iaitu sebanyak 37 kes apabila Kementerian Ke-



Anggota polis bersama anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) memeriksa kendaraan dalam sebuah sekatan jalan raya susulan Perintah Kawalan Pergerakan yang kini memasuki hari ke-33 di sekitar Kampong Bharu, Kuala Lumpur kelmarin.

sihatan Malaysia (KKM) mengesan satu lagi kluster baharu melibatkan kumpulan pelajar Malaysia yang pulang dari Magetan, Jawa, Indonesia.

Hal sama turut berlaku bagi kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya apabila keseluruhan 43 pelajar dari Indonesia yang dikesan positif itu,

semua daripada mereka dikuarantin di Putrajaya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Ab-

dullah dalam sidang akbar di sini semalam memaklumkan sebanyak 84 kes baharu direkodkan semalam.

Ia menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di Malaysia berjumlah 5,389 kes.

Setakat jam 12 tengah hari 18 April 2020, terdapat 19 Zon Hijau di Semenanjung manakala 17 Zon Hijau di Sarawak dan 11 Zon Hijau di Sabah.

Kuala Lumpur merupakan satu-satunya wilayah

yang mana semua empat zonnya masih berada dalam Zon Merah.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Datuk Sri Dr

Adham Baba berkata, Zon Hijau yang tidak merekodkan sebarang kes jangkitan Covid-19 boleh

diberi kelonggaran dari pada dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) namun keputusan tersebut mesti dibuat secara teliti selain memastikan ia benar-benar bebas daripada wabak itu.

Tidak perlu tamatkan Perintah Kawalan Pergerakan

SHAH ALAM - Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) yang diumumkan kerajaan mampu meringankan beban peniaga sekurang-kurangnya sehingga akhir April ini.

Sehubungan itu, Pakar Ekonomi yang juga Pensyarah Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, sebaiknya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diteruskan sehingga 28 April depan.



AHMED RAZMAN

Beliau berkata, meskipun terdapat negeri mencatatkan sifar kes positif

baharu Covid-19, namun banyak perniagaan yang beroperasi merentas sempadan negeri.

"Kita tidak mahu negeri-negeri yang tiada kes positif ini kembali mencatatkan kes positif yang baharu disebabkan oleh pelanggan yang datang dari negeri lain."

"Seeloknya PKP diteruskan sehingga 28 April ini untuk memastikan kesemua negeri tidak lagi mengalami peningkatan kes positif ketara."

"Dari aspek ekonomi sudah tentu banyak perniagaan yang terjejas terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) namun kerajaan sudah mengumumkan paket rangsangan ekonomi," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Beliau berkata, kerajaan diharap meneruskan bantuan melalui paket rangsangan sekiranya peniaga masih mengalami masalah selepas PKP ditamatkan.

5 KEDUDUKAN KES COVID-19 NEGARA DI ASIA TENGGARA

Negara	Kes	Mati	Pulih
1. Singapura	6,588	11	740
2. Indonesia	6,575	582	686
3. Filipina	6,259	409	572
4. Malaysia	5,389	89	3,197
5. Thailand	2,765	47	1,928

Beri kelonggaran PKP ikut zon, kata pakar kesihatan

SHAH ALAM - Graf kes baharu positif koronavirus (Covid-19) di Malaysia mula menunjukkan penurunan dengan banyak lokasi tertentu di seluruh negara tidak lagi mencatatkan kes jangkitan dalam tempoh beberapa hari lalu.

Secara idealnya, apabila kes jangkitan mencapai sifar untuk tempoh selama 14 hari berturut-turut, maka kelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) boleh dipertimbangkan.

Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi/Biostatistik) Jabatan Mikrobiologi dan Parasitologi Perubatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Malina Osman berkata, berdasarkan situasi semasa di Malaysia adalah sukar bagi mencapai ketiadaan kes secara menyeluruh dalam tempoh berkenaan.

Sehubungan itu, beliau menyarankan agar kelonggaran PKP dilakukan mengikut lokaliti atau zon.

"Pergerakan hanya dibenarkan di dalam kawasan berkenaan secara berperingkat dengan penerusan langkah pencegahan iaitu penjarakan fizikal, kebersihan tangan dan mengelakkan kesesakan yang tidak perlu."

"Pembukaan tempat atau kemudahan awam boleh dimulakan dengan premis perniagaan, pejabat dan taman rekreasi. Kemudian diikuti kembali tempat beribadah dan sekolah."

"Akhir sekali untuk sebarang acara kermasyarakatan di tempat awam dan persendirian, tetapi keramaian membabitkan sejumlah penduduk perlu mendapatkan kebenaran," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, bagi memastikan zon yang sudah dikenal pasti itu bebas kes jangkitan selama 14 hari berturut-turut, penduduk setempat perlu meneruskan komitmen mengamalkan langkah pencegahan.

Menurutnya, pintu masuk dan keluar di kawasan tersebut dijawab ketat supaya tidak berpotensi mencetuskan kluster baharu.

"Pada masa yang sama, gerakan untuk memperluaskan lagi zon bebas kes perlu dilakukan. Untuk tempoh jangka masa panjang, penduduk perlu mengamalkan cara hidup yang sedikit berbeza daripada sebelum ini."

"Contohnya, menghentikan sementara amalan berjabat tangan sehingga kita disahkan selamat untuk berbuat demikian," katanya.

Dalam pada itu, Dr Malina berkata, saringan secara besar-besaran digalakkan sekiranya berkecimpungan selain kajian setempat untuk mengetahui seroprevalensi (faktor risiko penularan) bagi tujuan pemantauan.



DR MALINA

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • ISNIN 20 APRIL 2020

MEMERANGI WABAK COVID-19

#JanganPutusAsia #Malaysia

5

Kluster Magetan dikesan

43 pelajar Malaysia yang pulang dari Magetan, Indonesia didapati positif Covid-19

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan satu lagi kluster baharu semalam selepas mendapat 43 pelajar Malaysia yang baru pulang dari Magetan, Jawa, Indonesia didapati positif Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster baharu itu dikesan melalui saringan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 16 April lalu.



DR NOOR HISHAM

"Daripada jumlah tersebut, seramai 34 orang telah dikuarantin di Melaka dan sembilan orang di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

"Ini menunjukkan bahawa tindakan kerajaan untuk mengambil langkah kuarantin wajib dan menyaring semua rakyat Malaysia yang pulang dari luar

negara adalah bertepatan," katanya pada sidang akbar di sini semalam.

Dalam perkembangan berikutnya, beliau berkata, ketika ini jumlah kes positif pandemik itu melibatkan individu yang pulang dari luar negara meningkat kepada 65 kes.

"Ia tambahan kepada 17 kes sedia ada, 43 kes

dari Magetan, tiga kes dari Aceh, satu dari Turki dan satu dari Kalimantan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan jumlah kes positif Covid-19 semalam sekali lagi kekal dua digit iaitu sebanyak 84 kes. Katanya, seperti beberapa hari lalu juga kes sembahut atau pesakit yang discay juga lebih tinggi berbanding kes bahan iaitu 95 kes semalam.

Menurutnya, sehingga kini keseluruhan kes yang telah discay daripada wad adalah 3,197 kes.

"Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 5,389 kes, manakala jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan adalah 2,103 kes," katanya.

Beliau turut memaklumkan, satu lagi keramatan direkodkan semalam menjadi keseluruhan kes kematiannya meningkat kepada 89 orang.

Sembilan hospital KKM mulakan kajian klinikal

PUTRAJAYA - Sebanyak sembilan buah hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memulakan kajian klinikal bagi menguji keberkesan dan keselamatan kombinasi ubat Remdesivir, Lopinavir, Ritonavir, Interferon Beta, Chloroquine dan Hydroxychloroquine untuk merawat pesakit wabak koronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kesemua hospital terabit akan mengambil bahagian dalam Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Solidarity Trial bagi memulakan pengambilan peserta kajian dalam kalangan pesakit wabak itu yang memenuhi kriteria ditetapkan.

"Penilaian telah dibuat berdasarkan tiga aspek utama merangkumi aspek keselamatan, kualiti dan keberkesan awal ubat tersebut berdasarkan data-data yang telah dikemukakan," katanya di sini semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, kedatangan pasukan pakar perunding perubatan China ke negara ini bukan untuk merawat pesakit Covid-19 tetapi membantu Malaysia melawan virus itu.


Katanya, kerjasama itu akan memberi fokus kepada perbincangan dalam konteks rawatan dan penyelidikan.

"Paling penting ketika ini ialah Malaysia perlu mempelajari usaha atau kaedah untuk melawan pandemik tersebut."


"Pasukan yang terdiri daripada lapan pakar perubatan pelbagai bidang itu mempunyai pengalaman melawan wabak yang dikatakan berasal dari Wuhan, China," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

JUMLAH KESELURUHAN: **5,389** | PULIH: **3,197** | ICU: **46** | KEMATIAN: **89** | KES BAHARU: **+84**



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

REPORTS BY: Zalina Mohd Som, Nuradzimmah Daim, Dawn Chan, Arfa Yunus, Hana Naz Harun, Tharanya Arumugam, Kalbana Perimbangayagam, Teh Athira Yusof, Esther Landau, Meera Murugesan, Hanna Hussein, Nur Zarina Othman, Avila Geraldine, Zahratulhayat Mat Arif, Mohamed Bashir, Mohd Roji Kawi, Recqueal Raimi, Zuliaty Zulkifli, Ilah Hafiz Aziz

DOUBLE DIGITS

DROP IN DAILY NEW COVID-19 CASES, SAYS HEALTH D-G

He attributes success to frontliners, enforcement personnel in Phases 1 and 2 of MCO

PUTRAJAYA

THERE were 84 new positive cases of Covid-19 yesterday, the fourth time the number of new cases is in the double digits.

Malaysia has also been recording a higher number of recoveries compared with new cases, which is giving hope to Malaysians who are praying for the pandemic to be contained.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the numbers reflected the efforts made by all parties in lowering the cases.

"If we look at the enforcement of the Movement Control Order (MCO) in Phases 1 and 2, the Health Ministry's frontliners, police, Immigration Department and the armed forces have succeeded in bringing the number of cases to double digits."

"The number of cases had one time reached more than 200, but still lower than 300."

"The infection rate, as compared with the overall samples screened is about five per cent, lower than the standard set by the World Health Organisation at 10 per cent. We can say that our efforts have been sufficient, if we go by this standard."

"Nevertheless, efforts to fur-

ther lower the number of cases, as well as infectivity among patients, in Phase 3 of MCO should be intensified," he said here yesterday.

The number of new Covid-19 cases dipped below 100 for the fourth time yesterday, as there were 84 new cases compared with 54 on Saturday (the lowest recorded yet). On Friday, there were 69 new cases, while on Wednesday, there were 85 new cases.

Dr Noor Hisham said 95 patients made a full recovery yesterday, which was higher than the total number of new cases. The total number of recoveries stood at 3,197.

One more Covid-19 death was recorded yesterday, bringing the death toll to 89.

Dr Noor Hisham said that current data showed that Malaysia's percentage of positive cases, which is detected from sample-taking efforts, was better than other countries.

He said other countries saw six or seven per cent of patients in the cumulative tally of "testing samples" tested positive for Covid-19.

He said in Malaysia, 109,308 samples had been screened, with 5,389, or five per cent, testing positive.

He said if 50 per cent of the overall samples tested positive, for example, it showed that not enough screening was carried out and the process needed to be increased.

He said the laboratory capacity in Malaysia stood at 11,500, with more than 10,000 samples tested on Saturday.

Dr Noor Hisham, who had warned of a possible spike in cas-



es this month, attributed the targeted screening methods, which focused on targeted locations and groups of people, namely Patients under Investigation (PUI) and close contacts, as being effective in detecting patients.

He said the treatment process at hospitals also involved patients with mild symptoms, as well as those who were asymptomatic, where they would be discharged if they tested negative twice.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY



A Selcare staff member taking a nose swab for Covid-19 screening from a food delivery service rider in Shah Alam yesterday. PIC BY FAIZ ANUAR

This reduced potential infectivity in the community, he added.

He said the ministry would continue surveillance on influenza-like illnesses (ILI) and severe acute respiratory infections (SARI), which had recorded 139 cumulative cases since January.

"We want to know if there's any increase of ILI and SARI cases in the last two weeks, for example, as this is an indication whether

the (Covid-19) virus is still transmitted in the community."

He urged the public to ensure this could be achieved by adhering to the MCO, practising social distancing and washing their hands regularly.

Page 1 pic: A Health Ministry staff member assisting a senior citizen, who is being screened for Covid-19, at Masjid Jamek Kampung Baru in Kuala Lumpur yesterday.

Malaysia to participate in WHO clinical trials for Covid-19

PUTRAJAYA: Malaysia will be part of an international effort to test new medications for Covid-19.

This will be undertaken via the nation's participation in the Solidarity Trial announced by the World Health Organisation (WHO) recently.

This trial, coordinated by WHO around the world, would collect data and compare the safety and effectiveness of four treatment regimens — Remdesivir, Lopinavir/Ritonavir, Interferon beta, Chloroquine and Hydroxychloroquine.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said in

line with this, the Health Ministry would soon start clinical trials to study the safety and effectiveness of Remdesivir for the treatment of Covid-19 patients.

Nine Health Ministry hospitals involved in the Solidarity Trial are ready to take in participants, comprising Covid-19 patients who fulfil the criteria.

Malaysia's participation in the trial is aimed at assisting in the search for life-saving drugs for Covid-19.

Dr Noor Hisham said a new Covid-19 cluster had been detected among Malaysians re-

turning from Indonesia via the Kuala Lumpur International Airport.

He said the cluster comprised 43 students returning to the country on April 16 from Temboro, one of the red zones in Magetan district, Indonesia.

From this number, 34 had been quarantined in Melaka and nine in Kuala Lumpur.

"This is to prevent imported infections of Covid-19 from spreading among Malaysians," he said.

The total number of cases among those returning from overseas is now 65.



A Health Ministry employee waving after conducting Covid-19 screening at Menara City One, which is on lockdown, in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY EIZAIRI SHAMSUDIN

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION

THE STAR, MONDAY 20 APRIL 2020

Nation 3

Four states lead virus fight

Perak, K'tan, Kedah, Penang have lowest number of active cases

By RAZAK AHMAD
and DIYANA PFORDTEN
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Perak, Kelantan, Kedah and Penang are currently in the lead in the fight against Covid-19, data from the Health Ministry shows.

They have the lowest number of active cases in relation to the total number of people infected in each state.

The term "active cases" refers to the number of infected people who are still undergoing treatment.

Perak is at the top as only 25 patients (9.9%) of the 252 people who have been infected with Covid-19 in the state are still in hospital.

In the second spot is Kelantan (10.3%) and followed by Kedah (11.7%).

Penang is fourth. There were 119 people infected in the state and from the total, only 14 (11.8%) remain under treatment (see graphic).

The Health Ministry has been releasing figures on the total number of confirmed cases in each district and state daily since March 21.

Yesterday, it started to also release figures on the number of active cases in each district and state.



However, the ministry has yet to release the number of deaths daily by state or district. The numbers also show frontline states in the battle against the pandemic.

Sarawak has the highest percentage of patients still in hospitals with 322 or 82.4% out of the 403 people infected being treated.

In second place is Kuala Lumpur (73.8%), followed by Melaka (63.5%).

Selangor, which has the highest number of confirmed cases among all the states at 1,340, is ninth.

The ministry yesterday also released details on 31 Covid-19 clusters and sub-clusters.


The information did not include the Sri Petaling tabligh cluster which makes up 37% of cases in the country. Of the 31 clusters, three have made full recovery.

The ministry identified them as Pekan (22 cases), Madrasah Penanti (six cases) and Japanese citizen

Total and active Covid-19 cases by state

State/Federal Territory	Confirmed	Active cases	Active cases as % of confirmed cases
Perak	252	25	9.9
Kelantan	155	16	10.3
Kedah	94	11	11.7
Penang	119	14	11.8
Labuan	16	3	18.8
Putrajaya	55	14	25.5
Perlis	18	5	27.8
Selangor	1,340	414	30.9
Negeri Sembilan	405	140	34.6
Pahang	264	103	39
Johor	639	267	41.8
Sabah	303	131	43.2
Terengganu	109	68	62.4
Melaka	148	94	63.5
Kuala Lumpur	985	727	73.8
Sarawak	403	332	82.4

Source: Health Ministry



The Star graphics

(three cases) clusters.

No details were given to how and when some of the relatively lesser known clusters started.

Three other clusters saw significant improvement in recoveries.

They are the Executive (103 recoveries), Bandar Baru Bangi wedding (85 recoveries) and Rembau (51 recoveries) clusters.

The recovery rate of these three

clusters stood at more than 80% respectively with less than 20 remaining cases each.

A number of other clusters, however, did not record any recoveries.

They include the Selangor Mansion (84 cases), Sabah health worker (31 cases), Sungai Buloh health worker (16 cases), Makasar tabligh (nine cases) and Pakatan tabligh (six cases) clusters.



Open wide

Selcare health officers collecting throat swab from food delivery riders during free screenings of Covid-19 organised by the Selangor government near Dewan Raja Muda in Shah Alam. Senior Minister (Security Cluster) and Defence Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said all food delivery workers must undergo health screenings before being allowed to operate during the MCO and Ramadan. — Bernama

Infected kin of frontliners entitled to cash from special fund

By SARBAN SINGH
sarbands@thestar.com.my

SEREMBAN: Relatives and families of government healthcare frontliners who get infected and sick or die while handling or treating Covid-19 patients will be entitled to payments from a special fund.

The next-of-kin of frontliners who get infected and die will be paid RM40,000 while frontliners who are admitted into the Intensive Care Unit (ICU) of a government hospital will receive a RM10,000 allowance.

Family members who get infected from the frontliners will also get to receive RM10,000 in allowance if they are admitted into the ICU or RM2,000 for treatment in the normal ward.

Family members who get infected from the frontliners and are also admitted into the ICU will be given RM10,000 from the fund.

"Frontliners or their family members admitted to normal wards after testing positive will be given RM2,000," said Health Ministry deputy secretary-general (management) Datuk Mohd Shafiq Abdullah in a circular.

Under the circular, the frontliners include doctors, nurses, paramedics, lab technicians, ambulance drivers, management staff and any other employees officially assigned to help stem the spread of Covid-19.

Family members of the frontliners include their parents, spouse and unmarried children under 25 who are unemployed.

FWD Takafu had on April 9 launched the MOH FWD MY Heroes Fund, setting aside RM5mil for the purpose.

The benefit will be paid out for six months beginning April 1 or until the funds are exhausted.

Mohd Shafiq said the next-of-kin of frontliners who were handling Covid-19 cases and died due to any other cause during this period would also be paid RM10,000.

However, if the frontliners are found to have been infected while not on duty, then FWD Takafu will have the right not to make any payment.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

4 Nation

THE STAR, MONDAY 20 APRIL 2020

Covid-19: Current situation globally

(As at 7pm April 19, 2020)

Asean+	Malaysia								New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered
	India	S. Korea	Japan	Singapore	Indonesia	Philippines	Thailand	Vietnam	Brunei	Cambodia	Myanmar	Laos
Confirmed cases	16,365	10,661	10,296	6,588	6,575	6,259	2,765	268	137	122	107	19
Deaths	512	234	222	11	582	409	47	0	1	0	5	0
Recovered	2,466	8,042	1,069	740	686	572	1,928	203	113	105	5	2
Global Top 10	US	Spain	Italy	France	Germany	UK	China	Turkey	Iran	Russia		
Confirmed cases	738,923	195,944	175,925	151,793	143,724	114,217	82,735	82,329	80,868	42,853		
Deaths	39,015	20,639	23,227	19,323	4,538	15,464	4,632	1,890	5,031	361		
Recovered	68,285	77,357	44,927	35,983	88,000	N/A	77,062	10,453	55,987	3,291		

'China experts not here to treat patients'

PETALING JAYA: The team of medical experts from China will not be involved in efforts to treat Covid-19 patients in Malaysia, said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

He said the medical professionals from China would be sharing their experiences in terms of treatment and research.

"They will be sharing not just their positive experiences but also perhaps issues where they have been unsuccessful in."

"We want to learn things, for example, which they have been unsuccessful in so that we do not repeat the same mistakes," he told reporters yesterday.

Dr Noor Hisham also said that discussions and exchanges of information on issues such as treatment of patients in the wards and intensive care units, and technical application of antigens or antibodies, was important.

"They are here not to help us treat patients. This is a new virus. So, each side does not have the experience but what they have is the experience on the successful or unsuccessful methods. Both are important to us."

"If they are successful, we can use their methods, but if their methods are unsuccessful we learn from them and make sure that we don't repeat or use the unsuccessful methods," he said.

Dr Noor Hisham added that this knowledge-sharing was important as currently not much was known about the virus.

"What is sure is that they have the experience as they have been fighting the virus for two months in Hubei, China. That experience is important, whether positive or negative," he said.

**Crowded queue**

Kampung Baru residents waiting their turn to be tested for Covid-19.

New cluster detected**Students who returned from Indonesia red zone to be quarantined**

By ASHLEY TANG
and CLARISSA CHUNG
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: A new Covid-19 cluster has emerged from some students who returned from a red zone in Indonesia on April 16, says Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

He said the cluster consisted of 43 students who had returned from Tembong, a place which had been declared a red zone in Magetan.

"From that overall number, 34 have been quarantined in Melaka and nine in Kuala Lumpur and Putrajaya."

"This shows that the government's actions to screen and quarantine all Malaysians returning from overseas are right."

"This will ensure all imported cases will not infect Malaysians locally," the Health director said at his daily press briefing yesterday.

Dr Noor Hisham said Melaka saw 37 new cases, in which 34 were linked to the Magetan cluster while the other three came from Kalimantan, Aceh and Turkey each.

As of noon yesterday, another 84 new cases have been reported, bringing the total tally to 5,389 cases.

He said 46 cases were being treated in the intensive care units with 26 needing ventilators.

"One more death has been recorded and the death toll now is at 89."

"There were 95 patients who have been discharged, bringing the

total number of recovered cases to 3,197," he said.

Separately, Dr Noor Hisham said the Health Ministry would conduct clinical trials on the effectiveness and safeness of the Remdesivir drug to treat Covid-19 patients.

He said nine hospitals, which were taking part in the World Health Organisation's "Solidarity Trial", were ready to start recruiting participants from among the Covid-19 patients who met the criteria.

"Patients who are positive but do not show any symptoms would probably not be chosen for the trial. We will look at those who are showing symptoms."

"We will look at those in the third category who have inflammation

but don't require oxygen, category four patients who have inflammation in the lungs and require oxygen, and those in category five who come to the hospital in the late stages and require ventilators," he said.

Dr Noor Hisham said the evaluation of the drug was based on three key aspects - safety, quality and early efficacy of the drug based on available data.

He added that due to the importance of the clinical trial, the Medical Research and Ethics Committee and National Pharmaceutical Regulatory Agency approved the research protocol and clinical trial import licence for the Remdesivir drug in four working days.

Star Frontliners Initiative

Our healthcare professionals are putting their lives at risk on the front lines. Donate today to help them get essential medical supplies and equipment.

Donate via e-banking:

Bank Account no.
Public Bank Berhad | 3199849230

Account name
Star Foundation - Medical Fund

Donate via credit card:

Visit www.starfoundation.com.my

Donation deadline

25 April 2020

For queries and tax exemption receipt,
email starfoundation@thestar.com.my
or contact 1-300-88-7827

Star **STAR FOUNDATION**
MEDIA GROUP
"Be Remarkable. Be Kind."